

16 NOV 1998

Amerika-serang/I (komentar)

AMERIKA GEMAR SERANG SESUKA HATI

Oleh: Azman Ujang

KUALA LUMPUR, 16 Nov (Bernama) -- Keputusan Presiden Bill Clinton untuk membatalkan lawatannya ke Malaysia kerana pergeseran dengan Iraq, sekali lagi menunjukkan kecenderungan Amerika Syarikat sebagai sebuah negara yang suka menyerang sewenang-wenangnya.

Dengan memilih untuk berada di negaranya mungkin bagi menetapkan sasaran mana di Iraq yang akan menjadi mangsa peluru berpandu Amerika, daripada mengadakan mesyuarat dengan pemimpin-pemimpin forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik di sini, tidak keterlaluanlah anggapan bahawa Amerika adalah sebuah negara yang gemar menyerang sesuka hatinya.

Lihat sahaja apa yang dilakukan oleh peluru berpandu Clinton di Sudan. Sebagai membalas serangan bom terhadap kedutaan Amerika di Kenya dan Tanzania, Amerika melancarkan serangan terhadap kilang membuat ubat di Sudan sehingga membunuh beberapa pekerja kilang itu.

Jika kilang itu benar-benar mengeluarkan bahan kimia sebagaimana didakwa oleh Amerika, sudah tentu kerajaan Sudan tidak akan menyenaraikannya sebagai satu daripada tempat yang sepatutnya dilawati oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa lawatannya ke negara Afrika itu pada Mei lepas.

Tetapi disebabkan pada masa itu beliau mengalami sakit pada kakinya, Dr Mahathir terpaksa membatalkan lawatan ke kilang itu pada saat-saat akhir.

Mungkin mentaliti orang Amerika suka menyerang sesuka hati. Sebagai contoh, ramai rakyat Amerika memiliki senjata api mungkin kerana peraturan memiliki senjata api paling liberal di negara itu.

Bandar seperti Washington dan New York pula mempunyai kadar jenayah yang termasuk pembunuhan menggunakan senjata api tertinggi di dunia.

Banyak pertanyaan telah ditimbulkan pada pelbagai forum sama ada pemilikan senjata api secara bebas berdasarkan sistem Amerika adalah sesuatu yang "keramat" sehingga sebarang cadangan untuk mengharamkan penggunaan senjata api oleh rakyatnya sering diketepikan.

Banyak persoalan juga telah ditimbulkan sama ada pemilikan senjata api oleh rakyat biasa adalah sebahagian daripada hak asasi dari kaca mata Amerika.

Amerika membelanjakan wang yang begitu banyak untuk mengendalikan penjara-penjaranya, mungkin yang paling canggih di dunia, dan mungkin juga lebih daripada keluaran dalam negara kasar kebanyakan negara membangun.

Kajian menunjukkan bahawa kebanyakan kematian akibat jenayah di Amerika disebabkan penggunaan senjata api dan penyenyah yang suka mencari gaduh adalah penyebab kepada trauma yang dialami beribu-ribu keluarga akibat kehilangan orang yang mereka sayangi.

Bagi tempoh beberapa tahun kebelakangan ini, berlaku pembunuhan di beberapa sekolah rendah di luar bandar di Amerika, sekali lagi dilakukan oleh kanak-kanak yang suka melepaskan tembakan.

Namun, sehingga hari ini sebarang cadangan untuk mengharamkan penggunaan senjata api oleh rakyat biasa di negara itu tidak dilayan.

Dalam kes pergesean dengan Iraq, Presiden Clinton, ataupun anggota Kongres atau Senat Amerika yang bijak pandai, juga Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu tidak pernah bertanya kenapa, selepas lebih tujuh tahun, pemeriksa senjata dari Suruhanjaya Khas Bangsa-bangsa Bersatu (UNSCOM) belum menamatkan pemeriksaan terhadap senjata yang didakwa boleh menyebabkan kemusnahan teruk yang didakwa dimiliki Iraq.

Untuk sekian lamanya sebelum Iraq membantah tindakan UNSCOM itu buat

pertama kalinya setahun yang lalu, pemeriksa terbabit bebas bergerak di negara itu. Adakah mereka menemui sesuatu?

Jika terdapat sebarang senjata yang boleh menyebabkan kemusnahan teruk (seperti digambarkan oleh Amerika), sudah tentunya mereka telah menemui sesuatu dalam tempoh tujuh tahun itu, sejak UNSCOM ditubuhkan oleh Majlis Keselamatan PBB pada April 1991.

Majlis Keselamatan PBB sepatutnya tahu Iraq pasti tidak akan bersetuju supaya pemeriksa itu menjalankan tugas mereka selama mana yang mereka inginkan.

Kesimpulannya, apa yang berlaku mewajarkan kritikan bahawa sama ada pemeriksa itu yang diketuai Richard Butler itu kurang cekap atau bahawa Majlis Keselamatan PBB itu mengikut kehendak Amerika.

Ada kebenaran pada kebimbangan Iraq itu bahawa anggota Amerika dalam UNSCOM itu memberitahu kepada negara mereka mengenai lokasi sasaran bagi serangan peluru yang dirancang itu.

Dr Mahathir menimbulkan persoalan yang sama semalam. Beliau bertanya: "Kenapa tidak biarkan orang lain melakukan pemeriksaan itu. Jika mereka bekeras mahukan orang yang sudahpun berat sebelah sebelum lagi mereka sampai ke Iraq, laporan yang diberikan tidak akan tepat."

Pertimbangkan alasan Iraq. Ia mempunyai hak untuk melindungi kedaulatan negaranya yang terjejas lebih tujuh tahun dengan kehadiran UNSCOM.

Persoalan yang perlu ditimbulkan ialah kenapa tiada tarikh ditetapkan bagi UNSCOM menyiapkan tugas mereka?

Iraq, terutama Presidennya Saddam Hussein, memanglah perlu dipersalahkan bagi krisis itu dan ancaman yang dihadapi negara dan rakyatnya kini.

Tidak dinafikan tindakan Saddam menyerang dan mencero bohi Kuwait pada 1990 menjadi punca kepada penderitaan yang terpaksa ditanggung oleh rakyat Iraq selama lapan tahun lepas.

Namun, masyarakat antarabangsa juga harus memastikan bahawa perlu ada had bagi hukuman terhadap Iraq, yang suatu masa dahulu menjadi negara contoh di Asia Barat.

Majlis Keselamatan sepatutnya menggunakan kuasanya untuk bertindak keras terhadap Amerika yang gemar sangat menghukum negara lain. Ia sepatutnya menghalang sebarang percubaan sumpama itu tanpa teragak-agak.

Jika PBB tidak mampu berbuat demikian, dengan itu keberkesannya sendiri boleh dipersoalkan.

Sebuah negara seperti Amerika yang berbangga sebagai negara yang memperjuangkan hak asasi manusia, tetapi pada masa yang sama tidak menunjukkan sebarang kekesalan apabila membunuh orang tidak berdosa di kilang membuat ubat di sebuah negara termiskin di dunia, tidak sepatutnya dibenarkan bertindak sesuka hatinya.

Dunia mungkin lebih selamat untuk dihuni jika Amerika berhenti menyerang sewenang-wenangnya.

-- BERNAMA

AU RHM MAI